

sh 12/4/24.

Residents: Parked lorries in Puchong Prima a nuisance

RESIDENTS of Lavender Terrace Puchong Prima, Selangor, are frustrated with lorry owners who continue to park illegally along Jalan Persiaran Prima Utama 3 which is the main road in the residential area.

Lavender Terrace Puchong Prima Residents Association chairman Hairul Riknyo said

the lorry owners, who also lived in the residential area, had been told to remove their vehicles.

"They will park their lorries elsewhere when we ask them to, but later, the lorries are parked again along the residential road.

"So the issue is never-ending, and recurs every day during peak hours," he said.

Hairul said that even after

complaining to Subang Jaya City Council (MBSJ), the problem was only temporarily addressed.

"MBSJ has to issue a stern warning to the lorry owners, such as issuing compound and fine to them," he said.

He added that there were at least six lorries parked on the roadside every day.

A resident known only as

Liew said the lorries posed a danger to motorists exiting Jalan Prima 7/3, Jalan Prima 7/4 and Jalan Prima 7/5, as the large vehicles were parked too close to the corner.

"The three-lane road also becomes two lanes as the lorries take up a whole lane," he added.

MBSJ had not responded to *StarMetro* at press time.

THE STAR
12 APR 2024
Tarikh:

MPAJ
97AR
12/4

FREE CAR DISPOSAL

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) provides free car disposal services. Those who wish to scrap their cars must transfer ownership of the vehicles to the council president. For details, visit intranet.mpaj.gov.my/spmkm, email penguatkuasa@mpaj.gov.my, call 03-4285 7024 (Enforcement Department) or visit Menara MPAJ or its depots in Taman Putra Sulaiman or Taman Melawati.

THE STAR
12 APR 2024
Tarikh:

STAR
12/4

TRANSPORT SURVEY

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is conducting a survey on the free GOKL bus service until May 31 to gain an insight on how it can be improved. To participate, visit <https://forms.gle/6HWt2cbWnJBLDgNW6>

THE STAR
12 APR 2024
Tarikh:

Upgrading HKL's third-class ward

Anwar: Govt to look into it once Health Minister briefs the Cabinet

KUALA LUMPUR: The government will look into the need to upgrade the third-class ward of Hospital Kuala Lumpur (HKL), says the Prime Minister.

Datuk Seri Anwar Ibrahim said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad would bring the matter up to the attention of the Cabinet.

"We have seen for ourselves how the third-class ward is a bit stuffy and crowded."

"The minister (Dzulkefly) will raise the matter with the Cabinet so that we can expedite what is necessary."

"Of course, the minister and the director (of HKL) also have to attend to other urgent problems that the ministry and government focuses on to ensure that infrastructure facilities are good," he told reporters after visiting patients at HKL's third-class ward here yesterday.

Also present were the Prime Minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Dzulkefly and HKL director Datin Paduka Dr Rohana Johan, Bernama reported.

Anwar said he had been calling for a comprehensive study to also cover the procurement of medicines so that it would be cost effective.

He added that because of the quantity of medicines used at HKL, there needs to be a greater focus on ensuring there is no wastage.

Anwar said the government also had to look into clinics in Kapit, Sarawak, and Manek Urai, Kelantan.

"So that this is seen as a whole by the ministry and when we make a decision, we know the Education and Health ministries get the largest national allocation," he added.



Showing concern: Anwar talking to a patient during his visit to HKL in conjunction Raya in Kuala Lumpur. — Bernama

THE STAR
12 APR 2024
Tarikh:

Getting it right on the road

Experts: Take precautions and be aware of highway safety features

By MARTIN CARVALHO
and CHARLES RAMENDRAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: With millions travelling on the highways during the festive Hari Raya season, paying attention to the road safety features and tips could help reduce accidents while also saving lives, say road safety experts.

The advice comes as a total of 2,929 road accidents and 53 deaths were recorded in just a day on the eve and first day of Raya on April 9 and 10 respectively.

Road safety expert Assoc Prof Dr Law Teik Hua from Universiti Putra Malaysia said most drivers tend to overlook the important road safety features along the major highways.

"Educating the public about road safety features along highways is crucial, particularly with the expected increase in traffic during the Raya festive period."

"Highlighting lesser-known road safety features, such as emergency phones at intervals along the highway and strategically located Rest and Service Areas (RSA), are essential for enhancing driver awareness and promoting safer journeys," he said when contacted yesterday.

Other common safety features usually taken for granted by drivers are the lane markings, reflective studs and the Variable Message Signs (VMS) which are strategically located along the highways.

"The VMS provide real-time updates on traffic conditions, accidents and road closures, enabling drivers to make informed decisions and adjust their routes accordingly to avoid potential hazards," he said.


The lane markings and reflective studs serve as visual cues, especially during night time or bad weather, by helping drivers stay within their lanes while maintaining safe distances from other vehicles, Law added.

While there are currently traffic surveillance cameras to help monitor traffic, he suggested the use of AI-powered analytics and predictive modelling as tools to further enhance road safety along the highways.

Law noted that ultimately, it is

Highway road safety features

Road safety features and tips that could help reduce accidents while saving lives.



Source: Road safety experts

The Star graphics



Potentially lifesaving: Being aware of emergency phones along highways and Rest and Service areas can contribute to making journeys safer. — ART CHEN/The Star

raising public awareness among drivers on such road safety features which is crucial.

PLUS Malaysia Bhd (PLUS) expects over two million vehicles to be on major highways during the Raya holidays during peak on April 5, 6, 9, 12, 13 and 14 which is a 15% increase from the usual 1.82 million daily traffic volume.

Highway concessionaire Anih Bhd expects some 1.9 million vehicles to use the KL-Karak (KLK) Expressway and about 882,000 travelling on the East Coast Expressway Phase 1 (LPT1) concessionaire during the festive period.

Some 2.4 million vehicles are expected to travel in and out of Penang over the six-day Raya festive period starting from April 8.

Malaysian Road and Transportation Safety Association president MD Hairulazaman Muhamed Nor said drivers and motorcyclists should be aware of broken down or parked vehicles on emergency lanes or road shoulders on highways.

"Motorists should be on the lookout for such stationary vehicles on highways."

"The driver and passengers of the stalled vehicles should step out quickly and take shelter at a

safe spot.

"Preferably, they should be behind the steel safety barriers or railings before seeking help," he said.

Hairulazaman also said that planning one's journey could help ease difficulties that might arise during emergencies while on the highway.

Malaysian Institute of Road Safety Research (Miros) chairman Prof Dr Wong Shaw Voon said that some cars nowadays have "eCall" feature which their owners may not be aware of.

"The eCall feature will automatically contact emergency responders in the event of a serious road accident including providing GPS coordinates to emergency services," he said when contacted.

He added that eCall system would likely become a common added safety feature in cars which could prove helpful in the event of a serious crash.

He also advised drivers of stalled vehicles to move their vehicles to a safe area and stay behind the crash barriers while waiting for help to come.

"Some drivers think they will be safer waiting in their stalled vehicles but it is more dangerous," he added.

PLUS Malaysia Bhd senior general manager of operations Mohd Yusuf Abd Aziz advised motorists to stay updated on traffic flow and plan their travel schedule using the PLUS smartphone application.

"Travel duration would be longer due during the peak periods due to increased traffic."

"Ensure your vehicles are road-worthy for the travel and pull over at rest areas for a break after every two hours of driving," added Mohd Yusuf.

Road Safety Experts Association and Safety Driving Centre advisor Datuk Suret Singh said motorcyclists, especially those on smaller machines, and drivers of heavy vehicles such as buses and lorries, should keep to the left lane or slow lane at all times while on the highway.

"Motorcyclists riding at night should don luminous safety vests to stay visible to other motorists or they will be courting disaster," the former Miros chairman added.

KENANGA RESEARCH REPORT

'Labour market
to remain
stable in 2024'

KUALA LUMPUR: The Malaysian labour market is expected to remain stable this year largely due to anticipation of continuous growth in economic activities, driven by robust domestic demand.

Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga Research) said this expectation was also reflected by the growth in employment.

"We expect the gross domestic product to expand 3.3 per cent in the first quarter, 3.0 per cent in the second quarter and 4.5 to 5.0 per cent for the whole year."

It said recovery in the manufacturing sector would be driven by the adoption of new technologies and the realisation of approved investments.

It noted that employment also expanded for the 31st consecutive months with a 0.2 per cent month-on-month growth.

"According to sectoral data from the Statistics Department, there has been a broad increase in employment across sectors. In the services sector, job gains were recorded in wholesale and retail trade, food and beverage services, as well as transportation and storage activities," it added.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 12 APR 2024



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (front row, second from left) speaking to a patient during a visit to Kuala Lumpur Hospital on Hari Raya Aidilfitri yesterday. With him are his wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (Anwar's left), and Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (front row, left). BERNAMA PIC

THIRD CLASS WARD

'Govt to speed up HKL improvements'

KUALA LUMPUR: The government will look into speeding up improvements to facilities at the third class ward of Kuala Lumpur Hospital (HKL), said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad would look into the matter and bring it to the cabinet's attention.

"We can see that the third class ward is somewhat hot and crowded. The minister will bring it to the attention of the cabinet so that we can expedite what is necessary."

The minister and the director

(of HKL) will also give attention to other problems that the ministry and the government can focus on to ensure that facilities are good," he said after visiting patients at HKL's third class ward yesterday.

Present were Anwar's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Dr Dzulkefly and HKL director Datin Paduka Dr Rohana Johan.

Anwar said he called for a comprehensive study into the way medicine is procured to ensure cost-effectiveness.

"Whether the medicine is fully used or not, there should be no wastage. The priority is on HKL because of the quantities (of medicine) involved."

"But we also have to focus on the clinic in Kapit and the clinic in Manek Urai, for example. The ministry looks at it as a whole."

The prime minister congratulated HKL for providing services that have received world-class recognition, which he hoped would spur every level of the hospital to give their best efforts and provide the best service. **Bernama**

NEW STRAITS TIMES
12 APR 2024
Tarikh:

Petrol, diesel prices remain unchanged Sun 4/4 12/1

KUALA LUMPUR: The retail prices of RON97 and RON95 petrol as well as diesel will remain unchanged at RM3.47, RM2.05 and RM2.15 per litre respectively for the April 11 to 17 period.

The Finance Ministry said in a statement the prices were set based on the weekly retail prices of petroleum products using the Automatic Pricing Mechanism.

"To protect consumers from the impact of the actual rise in global oil prices, the government is maintaining the retail price of RON95 petrol at the ceiling of RM2.05 per litre and that of diesel at RM2.15 per litre, although the market prices of both products have exceeded the set ceiling price," it said.

According to the ministry, the government will continue to monitor world crude oil prices and take appropriate measures to ensure the people's welfare and well-being are protected.

— Bernama

THE SUN
2 APR 2024
Tarikh:

Kemudahan wad kelas tiga HKL akan disegerakan - PM

Menteri Kesihatan akan teliti keperluan, permasalahan lain untuk perhatian Jemaah Menteri

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan menyegerakan penyediaan kemudahan yang perlu di wad kelas tiga Hospital Kuala Lumpur (HKL) demi keselesaan pesakit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad akan meneliti keperluan terbabit serta permasalahan lain untuk dibawa kepada perhatian Jemaah Menteri.

"Kita lihat sendiri macam kawasan wad kelas tiga itu panas sikit dan sesak dan menteri (Dr Dzulkefly) akan bawa untuk perhatian Jemaah Menteri agar kita segerakan mana yang perlu," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Terdahulu, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diiringi oleh Dr Dzulkefly dan Pengarah HKL Datin Paduka Dr Rohana Johan melawat pesakit yang sedang dirawat di wad perubatan kelas tiga hospital itu di sini.

Anwar berkata, beliau yakin Dr Dzulkefly dan Dr Rohana dimaklumkan masalah mendesak dan perlu diberi perhatian oleh Kementerian kesihatan serta kerajaan bagi memastikan penyediaan



FOTO: BERNAMA

Anwar (tengah) ketika menziarahi pesakit sempena Hari Raya Aidilfitri di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada Khamis.

prasarana lebih baik di hospital.

Dalam pada itu, Anwar berkata, beliau mahu kajian menyeluruh dibuat tentang pemerolehan ubat-ubatan oleh semua hospital dan klinik kerajaan di negara ini agar tidak berlaku pembaziran dan kerugian.

"Apakah ubat-ubatan itu digunakan sepenuhnya, tidak ada pembaziran dan apakah keutamaan... itu kita perlu beri tumpuan kepada HKL kerana jumlah (yang diperlukan) lebih besar.

"...tetapi kita juga kena beri tumpuan kepada klinik di Kapit, klinik di Manek Urai umpamanya... jadi hal ini dilihat keseluruhannya oleh kementerian dan kita buat keputusan," jelas beliau.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada HKL atas kecemerlangan prestasi hospital itu yang mendapat pengiktirafan dunia dan beliau berharap pencapaian tersebut akan menjadi galak-

an kepada semua pihak untuk meningkatkan usaha dan khidmat mereka.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Malaysia dan Pakistan bersetuju untuk meneroka ruang memperhebat hubungan kedua-dua negara terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Anwar berkata, perkara itu dinyatakan oleh rakan sejawatannya dari Pakistan, Shehbaz Sharif yang menghubungi beliau menerusi panggilan telefon pada Rabu malam.

"Menerusi perbualan telefon tersebut, kami senada mahu meneroka ruang untuk memperhebat hubungan Malaysia-Pakistan terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

"Mendoakan semoga hubungan Malaysia dan Pakistan akan terus berkembang demi manfaat bersama, insya-ALLAH," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 APR 2024

ETS terkandas: KTMB tawar pemulangan tambang penuh

KUALA LUMPUR - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menawarkan pemulangan penuh tambang kepada penumpang yang tidak meneruskan perjalanan akibat gangguan perkhidmatan tren elektrik (ETS) Selasa lalu.

KTMB dalam satu kenyataan berkata, penumpang yang membeli Pelan Takaful Premium juga boleh membuat tuntutan insurans.

Menurutnya, KTMB memohon maaf atas kesulitan yang dialami penumpang susulan gangguan perkhidmatan ETS antara Kamunting dan Bukit Merah.

"Kesulitan amat kami kesali dan penumpang yang tidak meneruskan perjalanan boleh mendapatkan pemulangan tambang penuh. Penumpang terkesan diminta untuk menghantar permohonan ke e-mel callcenter@ktmb.com.my.



KTMB menawarkan pemulangan penuh tambang kepada penumpang yang tidak dapat meneruskan perjalanan akibat gangguan ETS Selasa lalu.

"Bagi penumpang yang membeli Pelan Takaful Premium, ejen Khidmat Pelanggan kami akan hubungi penumpang selewat-lewatnya Jumaat, 12 April ini atau penumpang boleh membuat tuntutan dengan menghubungi Etiqa Claim Assist 010-368 7829 atau e-mel kepada support@goinsure.com.my," katanya dalam satu kenyataan pada

Khamis.

Katanya, selepas menerima dokumen tuntutan lengkap, pihak takaful akan memproses tuntutan dan membuat bayaran dalam masa ditetapkan.

Pada Selasa tular di media sosial pengguna perkhidmatan berkenaan terkandas lebih sejam susulan gangguan perkhidmatan tersebut.

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 APR 2024



PEMBINAAN PPR

Program bantu rakyat berpendapatan rendah miliki rumah, namun mekanisme pelaksanaan program perlu ada penambahbaikan



PPR dibina untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah.

FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Agenda kerajaan mahu memperkasakan milikan hartanah kediaman tanpa mengira kelas pendapatan antara misi 'mustahil' untuk digapai dalam situasi pasaran hartanah ketika ini.

Pastinya kuasa membeli hartanah kediaman golongan B40 paling terjejas kerana golongan ini lebih memfokuskan keperluan harian.

Dalam membantu golongan itu memiliki peluang sama dalam milikan hartanah kediaman, kerajaan mewujudkan Program Perumahan Rakyat atau PPR.

Menurut Pensyarah Program Pengurusan Harta Tanah dan Perbelongon Fakulti Bisnes International University of Malaya-Wales (IUMW) Kuala Lumpur, Profesor Sr Dr Noor Rosly Hanif, inisiatif kerajaan itu sejak 2002 bermula sebagai usaha penempatan semula setinggan kini menjadi misi penting dalam membantu rakyat berpendapatan

rendah memiliki rumah.

"Pelaksanaan program PPR menerusi Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertindak sebagai agensi pelaksana utama bagi projek PPR di seluruh negara antara inisiatif penting dalam pelaksanaan Dasar Perumahan Negara.

"Kerajaan Pusat dengan kerjasama kerajaan negeri pada awalnya (tahun 2002) melaksanakan program PPR adalah untuk penempatan semula setinggan dan kemudian dipanjangkan untuk membantu rakyat berpendapatan rendah bagi memiliki rumah sendiri.

"Di bawah program PPR ini terdapat dua pilihan diberikan sama ada untuk disewa atau untuk dibeli. Reka bentuk dan binaan unit PPR ini mengadaptasi spesifikasi perumahan kos rendah ditetapkan Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa di Malaysia," katanya.

Tambah Dr Noor Rosly, sebelum ini unit PPR dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan

RM42,000 seunit di Sabah dan Sarawak dan harga ini belum disesak semula; sehingga kini.

Disebabkan nilai harga jualan rendah, unit PPR mendapat permintaan tinggi dan difahamkan jumlah unit disasarkan kerajaan yang siap dibina masih rendah untuk jenis ini.

"Sasaran pembinaan PPR di seluruh negara adalah sebanyak 500,000 unit dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK-12).

"Setakat ini jumlah unit disiapkan jauh lebih rendah dari sasaran. Sehingga 2023, sejumlah 98,000 unit sahaja siap dibina dan 10,000 unit lagi masih dalam pembinaan di 26 projek PPR di seluruh negara.

"Data terkini jumlah unit PPR yang selesai dibina dan siap diduduki masih dalam kajian," katanya.

Bagi pemilik atau golongan B40 yang mahu memiliki rumah menerusi program terbabit, saringan ketat dijalankan bagi memastikan mereka yang layak sahaja mendapat kediaman terbabit.

SYOR KAJI SEMULA

Kerajaan perlu menilai sekali lagi mekanisme atau syarat pemilikan unit PPR secara belian dan sewaan



PPR permulaan menangani isu setinggan kini berubah kepada memenuhi keperluan milikan hartanah kediaman golongan berpendapatan rendah.

KEADAAN PPR di bandar utama biasanya bertingkat.



DARI MUKA 29

"Unit PPR keutamaan diberikan kepada pemohon warga Malaysia yang tidak mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan sahaja.

"Ada perubahan dalam syarat pendapatan yang mana terkini ia ditambah baik dan dinaikkan kepada di bawah RM5,000 sebulan. Namun itu tidak menjamin mendapatkan pinjaman dalam senarai panjang pemohon PPR.

"Selain itu, dalam kes program untuk sewa beli bagi mereka yang gagal mendapatkan pinjaman kewangan dan akan diberi peluang terus menyewa untuk tempoh 20 tahun sebelum sebahagian dari bayaran sewaan itu diambil sebagai bayaran harga unit PPR," katanya.

Meskipun program PPR dilihat memperkasakan pembelian hartanah kediaman, dari sudut lain pakar itu melihat mekanisme dalam pelaksanaan program itu perlu ada penambahbaikan.

"Penyediaan rumah PPR ini memerlukan sokongan padu dari semua pihak terutama Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan agensi berkaitan.

"Jabatan Perumahan Negara diberi tanggungjawab untuk mengalas peranan sebagai agensi utama bagi pelaksanaan projek rumah PPR ini. Bagaimanapun, kita sedia maklum urusan tanah dan kelulusan perancangan dan pembangunan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Mungkin dari segi perundangan boleh dilihat projek perumahan PPR ini dilaksanakan tanpa perlu melalui kelulusan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan sebagaimana pelaksanaan projek

kerajaan di bawah JKR satu ketika dulu. Ini dapat mengurangkan birokrasi kelulusan perancangan dan mempercepatkan masa," katanya.

Tidak hanya itu, beliau juga menyarankan kerajaan menilai semula mekanisme atau syarat pemilikan unit PPR secara belian dan sewaan.

Kajian itu merangkumi sistem sedia dan menilai kewajaran pembelian unit terus serta isu pewarisan yang mana pewarisnya bukan dari golongan berpendapatan rendah.

"Banyak isu perlu diteliti kerajaan termasuk milikan unit oleh pembeli dan status penyewa PPR yang mungkin sudah terkeluar dari kategori berpendapatan rendah.

"Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan pelaksanaan program khas membabitkan beberapa unit rumah PPR itu disewakan kepada mereka yang berpendapatan tinggi dengan sewaan yang lebih tinggi.

"Praktis ini meluas dilakukan di negara barat bagi membantu menampung kos pengenggaraan unit perumahan PPR.

"Pembinaan unit PPR lebih fleksibel yang mempunyai unit jenis studio, jenis satu, dua, tiga atau empat bilik bagi menampung keperluan isi rumah dan kadar sewaan yang berbeza-beza boleh diperkenalkan.

"Sistem ini lebih baik berbanding dengan penyediaan ruang yang 'monotonous' dalam satu-satu projek perumahan PPR sekarang ini," katanya.

Pendekatan penempatan pelbagai golongan dalam perumahan PPR dapat meringankan bebanan kerajaan menggunakan 'tax payer money' untuk menguruskan isu berkaitan penyelenggaraan PPR dan banyak lagi.



Pembinaan unit PPR lebih fleksibel yang mempunyai unit jenis studio, jenis satu, dua, tiga atau empat bilik bagi menampung keperluan isi rumah dan kadar sewaan yang berbeza-beza boleh diperkenalkan

DR NOOR ROSLY

12/4/24
HJ

YURAN penyelenggaraan seperti lif antara isu PPR sedia ada dan perlu penambahbaikan.



Guna pengangkutan awam cipta bandar lebih lestari

Mohamad
Amirul
Hussaini,
Tanjung Malim

Kuala Lumpur adalah bandar raya sesak. Walaupun mungkin tidak seteruk Jakarta dan Bangkok, tetapi kesesakan jalan di bandar raya ini terutama pada waktu puncak memang memenatkan.

Justeru, pengangkutan awam dilihat sebagai alternatif terbaik untuk sampai ke destinasi dituju. Malah, penggunaan pengangkutan awam adalah hal yang semakin penting bukan sahaja untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas, tetapi juga pencemaran udara dan masalah pengangkutan di pelbagai bandar di seluruh dunia.

Hari ini kita biasa mendengar ada sesetengah orang juga memilih untuk tidak menggunakan pengangkutan udara kerana isu pencemaran alam.

Dalam situasi sama, kita juga boleh memilih menggunakan pengangkutan awam seperti bas, kereta api atau sistem transit aliran ringan bagi mengurangkan kadar pencemaran alam.

Malah, menggunakan pengangkutan awam juga mampu mengurangkan bilangan kereta di jalan raya yang seterusnya menyusutkan pelepasan gas buang dan pencemaran udara.

Oleh itu, beralih kepada pengangkutan awam membantu menjaga kualiti udara yang lebih baik dan mengurangkan impak negatif ke atas alam sekitar.

Sebuah bas atau kereta boleh mengangkut banyak penumpang pada satu masa, berbanding kereta peribadi yang hanya memuatkan beberapa orang. Menerusi penggunaan pengangkutan awam, kita boleh mengurangkan bilangan kereta di jalan raya yang pada akhirnya membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Ini dapat menjimatkan masa perjalanan individu yang menggunakan pengangkutan awam dan meningkatkan produktiviti di bandar padat penduduk.

Menggunakan pengangkutan awam boleh menjadi pilihan yang lebih ekonomik daripada menaiki kereta peribadi, terutama jika mengambil kira kos bahan api, caj tempat letak kereta, penyelenggaraan dan hal-hal lain.

Tambang pengangkutan awam sering kali lebih berpatutan dan terdapat juga pilihan seperti kad langganan bulanan yang boleh memberikan penjimatan lebih kepada pengguna.

Langkah mengurangkan tahap tekanan yang disebabkan memandu dalam kesesakan lalu lintas dengan menggunakan pengangkutan awam boleh meningkatkan kualiti hidup. Tambahan pula, penggunaan pengangkutan awam juga memberi peluang kepada individu untuk bersosialisasi, membaca atau bahkan bekerja semasa dalam perjalanan. Sedangkan kita tidak punya masa itu jika memandu sendiri kereta ke destinasi dituju.

Menerusi penggunaan pengangkutan awam, kita

juga menyokong pembangunan lestari di bandar. Pelaburan dalam infrastruktur pengangkutan awam boleh mendorong pembangunan bandar lebih hijau yang mampu menyediakan lebih banyak ruang terbuka, laluan basikal dan laluan pejalan kaki yang mesra pengguna.

Ini juga boleh meningkatkan kemampuan bergerak ke mana-mana destinasi bagi mereka yang tidak mempunyai kereta.

Justeru, dengan mempertimbangkan kebaikan di atas, penggunaan pengangkutan awam sebagai alternatif kepada kereta peribadi boleh menjadi langkah penting dalam usaha mencipta bandar yang lebih lestari, bersih dan berdaya.

Namun hal ini memerlukan sokongan daripada kerajaan, operator pengangkutan, dan masyarakat secara keseluruhan untuk memperluas dan meningkatkan sistem pengangkutan awam yang sedia ada.



Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

BERITA HARIAN
12 APR 2024
Tarikh.....

Sokong Gerakan #MZB365 perangi provokasi kebencian

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah
Pusat Kokurikulum
dan Pembangunan
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia
(UPM)

Anggota masyarakat perlu menyokong penuh inisiatif 18 pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan media melancarkan Gerakan #MZB365 bertujuan memerangi ucapan berunsur kebencian dan provokasi mengenai etnik serta agama secara rahmah setiap hari.

Gerakan merentasi agama, bangsa dan ideologi politik ini penting kerana isu provokasi melampau mula mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat, jika dibiarkan boleh melumpuhkan negara, memusnahkan masyarakat dan meruntuhkan jambatan perpaduan dipertahankan selama ini.

Masyarakat perlu membantu mempromosikan budaya bertolak ansur, bertimbang rasa disusuli amalan memohon dan memberikan maaf zahir batin setiap hari sepanjang tahun tanpa terhad kepada sesuatu musim perayaan semata-mata.

Pihak melakukan kesalahan perlu segera sedar kekhilafan dan memohon kemaafan tanpa alasan, manakala memberikan kemaafan secara ikhlas adalah amalan terpuji, boleh mengharmonikan perhubungan sesama manusia.

Memasuki usia kemerdekaan ke-67 ternyata mengurus perbezaan dalam kalangan masyarakat majmuk negara ini menjadi semakin kompleks dan mencabar ada lagi tindakan segelintir individu tidak bertanggungjawab mula mencetuskan polemik dan kemudaratan.

Misalnya ada sahaja cuba mengambil kesempatan dan bermain api apabila menyentuh isu sensitif berkaitan 3R, (bangsa, agama dan Raja). Akibatnya mula berlaku pelbagai pertelagahan, terutama dalam platform media sosial dengan saling menuduh dan menuding jari.

Kes 3R meningkat 123 peratus

Kes membabitkan isu 3R dilaporkan meningkat sebanyak 123 peratus bagi tempoh suku pertama tahun ini, berbanding tempoh sama pada tahun lalu, manakala sebanyak 47 isu perpaduan berkaitan 3R direkodkan tahun ini, berbanding 21 isu bagi tempoh sama pada tahun lalu.

Provokasi kebencian etnik dan agama boleh diperangi dengan menyebarkan budaya toleransi, bertolak ansur dan saling bermaafan di antara satu sama lain. Kita perlu banyak belajar dari generasi terdahulu yang sanggup bertolak ansur mengetepikan segala ego serta kepentingan peribadi dan etnik masing-masing.

Pada ketika ini defisit kepercayaan dan keyakinan terhadap etnik lain dilihat semakin berkurangan, akibatnya kita mudah marah dan melenting, mengeluarkan ucapan berbau kebencian serta terlalu mementingkan diri sendiri atau etnik masing-masing sahaja.

Budaya ini perlu diperangi dan dihentikan dengan segera melalui amalan nilai murni yang menyokong agenda perpaduan nasional.

Selain itu, kontrak sosial, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu terus dijadikan sebagai prinsip dan panduan hidup masyarakat majmuk di negara ini.

Masyarakat tidak boleh sama sekali melupakan panduan hidup ini dalam apa juga keadaan. Hal ini penting kerana kegagalan kita menghayati dan mengamalkan panduan ini boleh mencetuskan huru-hara serta mengganggu gugat ketenteraman dan keamanan negara.

Hakikatnya kita perlu sedar prinsip hidup berpaksikan panduan ini mampu mencegah kita

daripada menyentuh isu sensitif seperti 3R yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Generasi muda perlu memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip menjadi asas kehidupan masyarakat majmuk selama ini supaya tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh melaburkan undang-undang serta semangat perpaduan nasional.

Justeru, Gerakan #MZB365 perlu dijadikan agenda nasional mempromosikan gaya hidup masyarakat berperlembagaan, menyebarkan amalan nilai murni Rukun Negara serta memacu pembentukan masyarakat Madani.

Kempen lebih tersusun perlu menumpukan kepada usaha menyedarkan masyarakat bahaya provokasi kebencian etnik dan agama. Perpaduan rakyat berbilang kaum wajar dijadikan objektif utama kempen dengan dukungan strategik agensi dan Kementerian berkaitan khususnya Kementerian Perpaduan Negara.

Perhatian khusus perlu diberikan kepada golongan belia sebagai pewaris masa hadapan yang perlu memahami kepentingan memelihara perhubungan kaum dan mempertahankan perpaduan sebagai prasyarat kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Kepada kelompok yang suka menyebarkan provokasi kebencian etnik dan agama, hentikanlah perbuatan tidak berfaedah ini. Jangan bakar jambatan perpaduan dengan api kebencian kerana pada akhirnya 'yang menang jadi arang, yang kalah akan jadi abu'.

Sebagai warganegara bertanggungjawab, kita perlu meraikan perbezaan yang ada dan terus menyebarkan semangat perpaduan nasional melalui Gerakan #MZB365.



#MZB365

Maaf Zahir Batin Hari-Hari

Korjasama antara media



BERITA HARIAN
Tarikh: 12 APR 2024